



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 APRIL 2016

Tun M boleh beri ancaman kepada negara - KPN

Ulm - 17/4/2016

KANGAR 16 April - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkritik kerajaan kebelakangan ini boleh dianggap memberi ancaman kepada negara apabila negarawan itu menganggap tiada lagi amalan demokrasi di negara ini pada masa ini.

Perkara itu ditegaskan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berdasarkan ucapan-ucapan bekas Perdana Menteri tersebut sebelum ini.

Beliau berkata, selaku agensi penguat kuasa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah membuka sebanyak empat kertas siasatan terhadap Dr. Mahathir.

“Sebagai seorang negarawan yang kita hormati, kita minta beliau tidak timbulkan lagi perkara-perkara yang boleh ditakrifkan sebagai mengancam demokrasi berparlimen.

“Tak lama lagi Pilihan Raya Umum iaitu pada 2018, masa itu kempenlah,” katanya dalam sidang

akhbar selepas majlis perasmian Perbincangan Meja Bulat dan Bengkel Jenayah serta Permasalahan Sempadan di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man yang merasmikan program itu dan Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye.

Majlis itu merupakan anjuran MCPF dan Unit Pengurusan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (Pemandu).

Dalam pada itu, Khalid mengalu-alukan dan memberi sokongan 100 peratus kepada sesi perbincangan seperti itu bagi mendapatkan maklumat lanjut daripada masyarakat dan agensi-agensi berkaitan lain.

“Kita bersedia mendengar dan ingin mengetahui apa lagi langkah-langkah yang PDRM belum buat bagi membanteras apa sahaja jenayah di sempadan,” katanya.